

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]
SOALAN :**

YB Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah kemasukan pesakit ke hospital dan jumlah kematian setiap tahun yang berkaitan dengan pencemaran udara.

Tuan Yang di-Pertua,

Pencemaran udara merupakan satu keadaan yang melibatkan agen kimia, jirim zarah atau agen biologi yang boleh menyebabkan mudarat dan ketidakselesaan kepada manusia atau hidupan yang lain. Bahan-bahan tersebut terampai di udara dan akan memasuki tubuh manusia melalui sistem pernafasan serta berupaya menyekat pengaliran oksigen ke dalam saluran-saluran darah seterusnya memberi kesan negatif kepada tubuh manusia. Kesan utama kepada kesihatan manusia ialah melalui sistem pernafasan. Di samping itu, pencemaran udara juga boleh menjejaskan mata dan penglihatan manusia.

Tuan Yang di-Pertua,

Kebanyakan pesakit paru-paru yang dirujuk ke hospital merupakan pesakit-pesakit yang telah sedia ada mempunyai penyakit seperti penyakit lelah (bronkiol asma), penyakit radang paru-paru atau barah paru-paru di mana gejala penyakit menjadi lebih teruk akibat pendedahan kepada pelbagai punca termasuk pencemaran udara dan jangkitan kuman pada sistem pernafasan.

Pihak hospital tidak mempunyai data punca penyakit yang disebabkan oleh pencemaran udara. Terdapat sebanyak 6,317 orang pesakit paru-paru yang telah dimasukkan ke wad hospital KKM pada tahun 2013 dan 479 orang telah meninggal dunia disebabkan penyakit paru-paru. Mengikut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), dianggarkan sebanyak tiga juta manusia mati setiap tahun disebabkan oleh pencemaran udara.